

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Permit Import (AP) untuk mengimport kenderaan akan dimansuhkan. Sekiranya tidak, apakah alasan utamanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Lesen Import (AP) yang dikeluarkan oleh Kementerian secara umumnya bertujuan untuk memantau jumlah dan kategori kenderaan yang diimport ke dalam negara dan maklumat mengenai syarikat pengimport. Lesen ini adalah sebagai kebenaran bagi tujuan kemasukan kenderaan dari negara luar ke dalam negara, sama ada kenderaan ini adalah dalam bentuk siap sepenuhnya atau dalam bentuk komponen yang perlu melalui proses pengilangan atau pemasangan.

2. Pada masa ini, Kementerian masih mengekalkan pelaksanaan sistem AP bagi memastikan jumlah kenderaan yang diimport adalah sentiasa dipantau dan terkawal, serta tidak menjejaskan perkembangan industri automotif tempatan. Dasar Automotif Nasional yang dijangka diumumkan tahun ini akan menyentuh tentang halatuju pelaksanaan AP.

Sekian, terima kasih.